



Moh Poto!

## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
11 November 2022

### **MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM) KINI KEMBALI**

*Agenda pendidikan pelaburan diteruskan bagi meningkatkan  
tahap literasi kewangan rakyat Malaysia*

**Kuala Lumpur, 11 November 2022:** Selepas berlangsung selama dua tahun secara digital selaras perjalanan transformasi organisasi yang menekankan kepentingan inisiatif pendigitalan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan akan kembali menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia 2022 (MSAM 2022) dengan mengekalkan pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan pelaburan bersepadu yang interaktif, menghiburkan dan menarik untuk rakyat Malaysia dari semua peringkat umur.

Sebelum itu acara tahunan ini telah dianjurkan secara maya pada tahun 2020 dan 2021 dengan jenama Minggu Saham Digital (MSD). Pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan negara menjadikan penganjuran MSD bersesuaian pada waktunya seiring usaha berterusan PNB meningkatkan kefahaman tentang literasi kewangan dalam kalangan masyarakat.

MSAM 2022 kali ini membawa tema “Melestarikan Pelaburan Ke Arah Masa Hadapan Mampan”. Tema ini adalah selari dengan aspirasi PNB menyokong penciptaan nilai mampan jangka panjang sejak mula penubuhannya yang mencerminkan mandat yang diberikan kepada PNB untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

Bersempena dengan penganjuran MSAM 2022, satu majlis khas iaitu “Jalinan Rakan Korporat MSAM 2022” diadakan bagi memperkenalkan 11 syarikat Kumpulan PNB yang bertindak sebagai Rakan Korporat MSAM 2022.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn sewaktu memperkenalkan Rakan Korporat MSAM 2022 menyatakan “MSAM kembali tahun ini dengan mengekalkan tumpuan kepada pendidikan pelaburan yang disampaikan secara interaktif dan *infotainment* yang bertujuan mendidik dan memperkasakan rakyat Malaysia dengan ilmu tentang pelaburan dan perancangan kewangan.”

Beliau turut menyatakan penghargaan atas kerjasama kerajaan Negeri Sembilan dalam menjayakan acara ini dan penglibatan Rakan Korporat MSAM 2022 yang terdiri daripada Maybank Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Plantation Berhad dan UMW Holdings Berhad sebagai **Rakan Premier** MSAM 2022. Kategori **Rakan Utama** pula terdiri daripada S P Setia Berhad, Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MNRB Holdings Berhad dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua). Manakala Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) dan Duopharma Biotech Berhad adalah sebagai **Rakan** MSAM 2022.

MSAM 2022 menyediakan pelbagai aktiviti pendidikan pelaburan dan pameran yang disertai kira-kira 50 pempamer terdiri daripada syarikat-syarikat Kumpulan PNB, ejen-ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), badan kawal selia serta agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Di samping itu, peranan Rakan Korporat MSAM 2022 juga diperjelaskan sebagai penyumbang utama pendapatan PNB. Orang ramai boleh melihat sendiri keteguhan syarikat-syarikat di mana wang mereka dilaburkan melalui unit-unit amanah yang diuruskan oleh ASNB seperti Amanah Saham Bumiputera serta Amanah Saham Malaysia. Pengunjung juga dapat mempelajari bagaimana pulangan yang diperoleh menerusi pelaburan dalam syarikat-syarikat strategik ini diagihkan semula kepada para pemegang unit dalam bentuk pengagihan pendapatan.

Pelbagai hadiah menarik bernilai lebih RM1 juta telah disediakan untuk dimenangi oleh para pengunjung. Antara hadiah utama yang disediakan adalah:-

- sebuah kereta elektrik Hyundai Kona Electric Lite bernilai lebih RM156,000;
- sebuah kereta elektrik Toyota Corolla Cross Hybrid Electric bernilai hampir RM140,000;
- sebuah Perodua Alza 1.5 AV berharga RM75,500;
- sebuah motosikal Yamaha MT-25 berharga RM21,500; dan
- enam buah motosikal Yamaha 135 LC FI dan pelbagai hadiah menarik termasuk barang elektrik.

Walaupun acara ini kini dianjurkan semula secara fizikal, MSAM 2022 terus mengekalkan beberapa aspek digital yang diperkenalkan semasa penganjuran MSD, antaranya e-pendaftaran, kuiz pengunjung bertuah dan aplikasi acara yang memaparkan semua maklumat serta kaji selidik MSAM yang dipermudahkan melalui imbasan kod respons pantas (Quick Response code atau QR code).

MSAM yang dianjurkan pada setiap tahun sejak tahun 2000 telah menarik lebih 3.9 juta pengunjung atau hampir 200,000 pengunjung setiap tahun. Untuk MSAM 2022, PNB menyasarkan penyertaan 150,000 orang pengunjung khususnya dari sekitar Negeri Sembilan dan lokasi berdekatan lain. Orang ramai dijemput berkunjung ke MSAM 2022 mulai **24 November hingga 30 November** di **Kawasan Lapang Pantai Batu 1, Port Dickson, Negeri Sembilan** dari jam **10.00 pagi hingga 10.00 malam** sepanjang tempoh tersebut. **Masuk adalah percuma.**

- Tamat -

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan

lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Abdul Halim Jusoh, Pengurus, Jabatan Komunikasi* | [abdulhalim@pnb.com.my](mailto:abdulhalim@pnb.com.my) | 03-2050 5408
2. *Nurman Mohd Nawi, Ketua, Jabatan Pemasaran & Publisiti* | [nurman\\_mn@pnb.com.my](mailto:nurman_mn@pnb.com.my) | 03-2050 5754